

CNS2714

U GB 03-07 00147 BA746

bah

KEBANYAKAN RAJA AKAN TANDATANGANI PERISYTIHARAN

Mahathir - Perisytiharan

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebanyakan Raja Melayu dijangka berangkat menghadiri upacara menandatangani dan mengisytiharkan Perisytiharan Raja-Raja di Istana Negara di sini esok.

Perdana Menteri berkata, beliau akan turut menghadiri upacara itu bagi mengiringi Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah.

Upacara tersebut juga akan dihadiri oleh Menteri-menteri Besar negeri-negeri berkenaan dan menteri-menteri terbabit, katanya ketika ditanya oleh pemberita selepas melancarkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan merasmikan kongres +Menjelang Abad 21: Islam Dan Wawasan 2020+ di sini hari ini.

Mengenai siapa yang akan mewakili kerajaan pada upacara tersebut, Dr Mahathir berkata perisytiharan itu akan hanya ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu.

+Tidak ada sesiapa yang akan mewakili kerajaan. Ini adalah Perisytiharan Raja-Raja dan hanya Raja-Raja yang akan menandatangani,+ katanya. -- Lagi.

▼03/07/12-21MST

CNS2717

U GB 03-07 00124 BA747

bah

Mahathir - Perisytiharan 2 Kuala Lumpur

Awal bulan lepas Perdana Menteri berkata bahawa draf perisytiharaan tersebut telah dipersetujui oleh Raja-Raja dan akan ditandatangani esok.

Penyediaan tatacara perilaku bagi Raja-Raja Melayu itu dipersetujui ekoran majlis menghadap Raja-Raja oleh anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, kecuali Presiden dan Timbalan Presiden, bagi mempersembahkan memorandum pandangan Umno mengenai pembabitan Istana dalam politik, pentadbiran dan perniagaan, pada 25 Feb lepas.

Draf itu kemudian dikenali sebagai Perisytiharan Raja-Raja kerana ia akan diperkenan oleh Raja-Raja dan tidak lagi merupakan dokumen kerajaan atau MT Umno.

Isnin lepas Naib Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bahawa perisytiharan itu akan ditandatangani dan diisytiharkan walaupun masih ada raja yang tidak bersetuju. -- Bernama.

▼03/07/12-23MST